

HELAIAN MAKLUMAN PRODUK

Sila baca dan fahami Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon Pembiayaan Peribadi-i. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat Pembiayaan Peribadi-i. Sila dapatkan penjelasan daripada Topmacro Capital Sdn. Bhd. ("Syarikat") sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma-terma am.

TOPMACRO CAPITAL SDN. BHD. (708438-A)

Pembiayaan Peribadi-i

Tarikh:

1. Apakah yang ditawarkan oleh produk ini?

Topmacro Capital Sdn. Bhd. Pembiayaan Peribadi-i ini merupakan kemudahan Pembiayaan Peribadi Islam tanpa cagaran, yang mematuhi prinsip Shariah untuk memenuhi keperluan penggunaan peribadi anda. Ia dikira berdasarkan kadar tetap dengan bayaran ansuran tetap sepanjang tempoh pembayaran.

2. Apakah konsep Shariah yang digunakan?

Prinsip Shariah yang digunakan adalah Murabahah melalui penyusunan Tawarruq. Murabahah adalah penjualan dan pembelian aset di mana kos perolehan dan penambahan dinyatakan kepada Pelanggan. Tawarruq merujuk kepada dua kontrak jual beli. Kontrak yang pertama melibatkan penjualan aset oleh Syarikat kepada Pelanggan secara tertangguh. Selepas itu Pelanggan akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga untuk mendapatkan wang tunai. Mekanism yang terlibat:

1. Syarikat membeli komoditi* pada Amaun Pembiayaan dengan harga semerta;
2. Syarikat kini memiliki komoditi tersebut;
3. Syarikat menjual komoditi tersebut kepada Pelanggan pada Harga Jualan** secara bayaran tertangguh (ansuran). Sebagai pemilik komoditi, Pelanggan boleh memilih untuk mengambil penghantaran fizikal/hak milik dengan perbelanjaan sendiri;
4. Seterusnya, sebagai pemilik komoditi, Pelanggan melantik Syarikat sebagai ejen (wakil) untuk menjual komoditi tersebut;
5. Syarikat (sebagai agen kepada Pelanggan) menjual komoditi pada Amaun Pembiayaan dengan harga semerta bagi pihak Pelanggan kepada pihak ketiga untuk mendapat wang tunai;
6. Syarikat menyalurkan hasil jualan tersebut ke akaun Pelanggan (Amaun Pembiayaan).

*Komoditi:

- (a) Komoditi adalah dalam bentuk Minyak Sawit Mentah atau apa-apa komoditi dagangan yang mematuhi Shariah yang diterima oleh semua pihak untuk Pembiayaan ini dan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Shariah Bank.
(b) Perdagangan dijalankan di atas platform perdagangan pelbagai komoditi seperti Bursa Suq Al Sila (BSAS) atau platform perdagangan komoditi lain yang membolehkan transaksi Tawarruq dan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Shariah Syarikat.

**Harga Jualan (kos perolehan dan penambahan – Murabahah)

- (a) Harga Jualan merujuk kepada harga yang perlu dibayar oleh Pelanggan kepada Syarikat dalam pertukaran komoditi.
(b) Ia adalah berdasarkan harga maksimum dikenakan kepada pembiayaan tertakluk kepada rebat lanjut.

3. Apakah yang saya perolehi daripada produk ini?

- Amaun Pembiayaan : Minima RM1000, Maksimum RM50,000
- Tempoh Pembiayaan : Dari (3 bulan) hingga (60 bulan)
- Kadar Keuntungan : 15% - 18% setahun (Kadar Rata)
- Harga Jualan Topmacro : Amaun Pembiayaan + Jumlah Keuntungan

4. Di manakah saya boleh memohon produk ini?

Pemohon yang berminat boleh membuat permohonan di Topmacro Capital Sdn. Bhd.

5. Apakah tanggungjawab saya?

Ansuran bulanan tetap sepanjang tempoh pembiayaan.

Ansuran bulanan dikira berdasarkan formula di bawah:

$$I = \frac{P + (P \times T \times R)}{M}$$

I - Ansuran bulanan
P - Amaun Kemudahan diluluskan
T - Tempoh kemudahan dalam tahun

R - Kadar Keuntungan setahun
M - Tempoh Kemudahan dalam bulan

Contoh : P: RM10,000 T: 1 Tahun R: 18% p.a M: 12 bulan oleh itu
RM10,000 + (RM10,000 x 1 Tahun x 18% p.a) x 12 Bulan = RM 983.33

6. Apakah jenis fi dan caj yang perlu dibayar?

- Fi Duti Setem : 0.5% daripada Amaun Kemudahan mengikut Akta Duti Setem 1949 (Pindaan 1989).
- Yuran Tawarruq : RM25.00
- Yuran Pemprosesan : 2.5% daripada jumlah pembiayaan
- Yuran Pembayaran : Termasuk yuran untuk pendaftaran caj dan caj-caj yang berkaitan
- Yuran Transaksi eMandat : 1% dihadkan pada RM 20 (setiap transaksi ansuran bulanan)

Semua caj akan ditolak daripada jumlah pembiayaan kecuali yuran transaksi eMandat.

Pembatalan kemudahan tersebut

Anda perlu membayar Topmacro Capital Sdn Bhd semua kos (jika ada) untuk penyediaan dan pendaftaran dokumen sekuriti yang telah ditanggung oleh Topmacro berkaitan dengan Kemudahan termasuk perbelanjaan yang ditanggung semasa proses tuntutan jika kemudahan itu dibatalkan.

7. Bagaimakah cara saya membayar ansuran bulanan saya?

Anda mesti memastikan ansuran bulanan anda dibayar secara bulanan. Pembayaran dibuat melalui Skim Potongan Gaji. Pembayaran akan dibuat melalui Direct Debit atau arahan tetap sekiranya potongan gaji tidak diaktifkan atau dinyahaktifkan. Anda juga bertanggungjawab untuk memberikan notis bertulis kepada Topmacro jika terdapat sebarang perubahan pada akaun / akaun gaji anda yang dinyatakan dalam Borang Kebenaran Debit Terus untuk mengemas kini butiran akaun mereka dengan Topmacro dan dengan menandatangani Borang Kebenaran Debit Terus yang baru.

8. Apakah yang akan berlaku jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

Jika anda gagal untuk membayar ansuran bulanan anda pada tarikh matang, caj pampasan (ta'widh) akan dikenakan seperti berikut:

a) Mengenakan Caj Bayaran Lewat (CBL) seperti berikut:

- Ansuran Tertunggak atau Bayaran Berjadual: Atas kegagalan membayar apa jua ansuran atau apa jua bayaran yang cukup tempoh dari tarikh kemudahan pertama kali dikeluarkan sehingga Tarikh matangnya, satu Jumlah CLB bersamaan satu peratus (1%) ke atas ansuran atau bayaran tertunggak.

- CLB hendaklah dikira berdasarkan kadar CLB seperti berikut.

CLB = Ansuran Tertunggak (atau Harga Jualan Tertunda) x Kadar CLB / 365 hari x bilangan hari tertunggak.

- CLB tidak akan dikompaun. Hak untuk CLB tidak akan menjelaskan mana-mana Topmacro Capital Sdn. Bhd. hak-hak lain yang tersedia di bawah termasuknya.

(b) Menolak, menggabungkan, menyatukan atau menggabungkan semua atau mana-mana baki kredit di dalam akaun anda yang dikenakan dengan kami terhadap sebarang baki tertunggak dalam "akaun pembiayaan ini dengan memberi anda notis terdahulu selama tujuh (7) hari kalender..

- Tindakan undang-undang akan dimulakan terhadap anda jika anda gagal membalaikkan notis peringatan.

- Tindakan undang-undang terhadap anda boleh memberi kesan kepada penarafan kredit anda yang membawa kepada penilaian kredit yang lebih sukar atau mahal untuk anda di masa hadapan.

9. Bagaimana sekiranya saya menyelesaikan sepenuhnya pembiayaan sebelum tempoh matang?

Anda hendaklah memberikan notis bertulis lima belas (15) hari kepada Topmacro sekiranya anda berhasrat untuk menyelesaikan amaun tertunggak untuk Pembiayaan sepenuhnya.

10. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

Penjamin atau cagaran tidak diperlukan.

11. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan mengenai butiran penghubungan saya?

Adalah penting untuk anda memberitahu kami dengan segera mengenai setiap perubahan butiran perhubungan anda seperti nombor telefon, alamat suratmenyurat dan alamat e-mel untuk memastikan bahawa semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda pada waktu yang tepat.

12. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembetulan?

Jika anda mempunyai masalah untuk membuat pembayaran bulanan, anda harus menghubungi kami dengan secepat mungkin untuk membincangkan alternatif pembayaran balik atau jika anda tidak berpuas hati dengan produk atau perkhidmatan yang disediakan Topmacro Capital Sdn. Bhd. Anda boleh menghubungi kami di :

TOPMACRO CAPITAL SDN BHD

51-3, Jalan Metro Perdana Barat 1,
Taman Usahawan Kepong,

52100 Kuala Lumpur.

Tel : **03-6257 4899**

Emel : inquiry.shariah@gmail.com

13. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan dengan butiran lanjut, sila layari laman web kami <https://topmacroshariah.com.my> atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di **03-6257 4899**.

14. NOTA PENTING

ANDA DIMINTA MEMBACA DAN MEMAHAMI SEMUA TERMA DAN SYARAT PEMBIAYAAN PERIBADI-I TOPMACRO CAPITAL SEBELUM ANDA MENERIMA ATAU MENANDATANGANINYA.

TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MENERUSKAN BAYARAN PEMBIAYAAN PERIBADI-I TOPMACRO CAPITAL ANDA.